



ENCIK HALIM BIN BOWENG

*“Buktikan bahawa graduan UiTM adalah produk yang berdaya
saing masa kini dan selamanya”*

Menerajui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai Pengarah Wilayah, Halim Bin Boweng bukanlah satu nama yang asing lagi. Beliau telah mendapat pendidikan di UiTM Sarawak dalam bidang perakaunan, bergraduat pada tahun 1986 (Diploma) dan 1994 (Sarjana Muda). Pada tahun 1997, beliau telah melanjutkan pengajian ke peringkat Executive Masters dalam bidang pentadbiran dan perniagaan di UiTM.

Halim Boweng menzahirkan rasa bersyukur dan setinggi-tinggi terima kasih kepada UiTM kerana telah menyediakan platform untuk warga bumiputera untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat diploma hingga peringkat yang paling tinggi dengan kos pengajian yang murah berbanding dengan universiti lain. Beliau juga berpesan supaya menggunakan ilmu yang diperolehi apabila menjalani langkah ke alam pekerjaan ataupun perniagaan.

